

02 OCT 1997

AGONG UCAP TAHNIAH SEMPENA HARI PERPADUAN JERMAN

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah mengucapkan tahniah kepada Presiden Jerman Roman Herzog sempena sambutan Hari Perpaduan negara itu hari ini.

Kerjasama dan persefahaman antara kedua-dua negara juga telah dapat dipertingkatkan menerusi lawatan Herzog ke Malaysia pada April lepas, titah Seri Paduka.

Menurut kenyataan Kementerian Luar di sini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut menyampaikan ucapan tahniah kepada Canselor Jerman Helmut Kohl.

"Saya gembira dengan usaha yang sedang dijalankan dalam mempertingkatkan hubungan dan kerjasama terutama dalam bidang perdagangan dan ekonomi antara kedua-dua negara," kata Dr Mahathir.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi turut mengutus ucapan tahniah kepada rakan sejawatnya Klaus Kinkel.

Abdullah berharap lawatannya ke Jerman tidak lama lagi akan membantu menoereratkan hubungan dua hala.-- BERNAMA

YLJ RHM MAI